

UKM ^{UKM:} Sabah ^{Sabah Times} mungkin ^{Co/414994} ditutup

BANGI, Sabtu. — Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) cawangan Sabah mungkin ditutup atau dipindahkan ke sini apabila 400 mahasiswanya menamatkan pengajian mereka.

Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Sham Sani berkata, UKM tidak akan mengambil pelajar baru kerana untuk memberi peluang kepada mahasiswa yang ada menghabiskan pengajian mereka sebelum sebarang keputusan mengenai kedudukan universiti itu dibuat.

UKM cawangan Sabah menawarkan dua fakulti iaitu Fakulti Sains dan Sumber Alam serta Fakulti Sains Pembangunan.

UKM bersedia menawarkan semua kemudahan yang ada di universiti itu termasuk 73 tenaga pengajar kepada universiti baru Sabah, katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) antara UKM dan Institut Pertanian Bogor (IPB), Indonesia.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Dr Sham dan Rektor IPB, Prof Dr Sitanala Arsyad.

Katanya, keputusan UKM akan memudahkan Naib Canselor universiti baru yang bakal dilantik itu membuat perancangan mengenai pentadbiran universiti berkenaan.

Mengenai perjanjian persefahaman itu, Dr Sham berkata, ia adalah yang kedua ditandatangani oleh UKM dengan pusat pengajian tinggi di Indonesia.

Sebelum ini, UKM menandatangani perjanjian dengan Universiti Jajaran di Bandung bagi kerjasama dalam bidang-bidang berkaitan kebudayaan.

Beliau berkata, perjanjian hari ini adalah untuk bekerjasama dan bertukar-tukar pengalaman dalam bidang akademik seperti pendidikan, penulisan buku dan jurnal, kesenian, pertukaran tenaga akademik dan pertukaran pelajar.



SABAH TIMES, 10 APR 94